

Jenayah Sihir di Malaysia: Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang

(The Crime of Witch Crafting in Malaysia: Problems and Recommended Legal Implementation)

MOHD SABREE NASRI

ABSTRAK

Amalan ilmu sihir bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat di Malaysia. Malah amalan ilmu hitam ini telah lama berleluasa berikutan ketiadaan perundangan khusus yang boleh menghukum si pelakunya. Semenjak tahun 1975 lagi sudah kedengaran usaha yang dilakukan untuk menggubal undang-undang yang boleh menangani jenayah sihir. Sungguhpun begitu, undang-undang sihir ini masih belum menjadi realiti sepenuhnya. Justeru sudah tiba masanya undang-undang jenayah sihir dikanunkan agar pengamal sihir serta mereka yang mendapatkan khidmat sihir dapat didakwa dan dihukum dengan hukuman yang setimpal. Ini sekaligus akan dapat membela nasib golongan-golongan yang ditindas dengan perbuatan yang terkutuk ini. Namun sudah semestinya terdapat pelbagai halangan ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah sihir di Malaysia. Penulisan ini mengupas pelbagai isu berkaitan sihir dari perspektif undang-undang. Di samping itu, ianya turut menyarankan beberapa cadangan dan idea agar undang-undang jenayah sihir dapat direalisasikan di Malaysia.

Kata kunci: Jenayah sihir; pelaksanaan undang-undang

ABSTRACT

Witch crafting is nothing new in the Malaysian society. More so, such practice has long been rampant due to absence of specific legislation which punishes its perpetrator. Ever since the year of 1975, efforts were heard to be taken to enact a law which deals with witch crafting. Nevertheless such effort has yet to be realised. Hence it is time to codify the law on witch crafting so that both witches as well as those who seek for their services can duly be prosecuted and punished. This will simultaneously vindicate those who have been oppressed by such heinous crime. Nevertheless, there are of course various obstacles obstructing the implementation of criminal law on witch crafting in Malaysia. This writing discusses various issues on witch crafting from legal perspective. It simultaneously comes up with some suggestions and ideas in ensuring that witchcraft law could be realised in Malaysia.

Keywords: Witchcraft crime; legal implementation

PENGENALAN

Ilmu sihir adalah antara ilmu tertua yang diamalkan di dunia. Ilmu sihir ini juga telah diwarisi turun-temurun sejak bermulanya sejarah manusia sehinggalah ke hari ini.¹ Para Sejarawan berpendapat ilmu itu mula wujud sekitar 5000 tahun sebelum Masihi dan diamalkan secara meluas dalam tamadun Mesopotamia, Mesir Kuno, Rom, Parsi, Islam, Barat hingga ke hari ini.² Bagi kebanyakan ulama Islam, mereka berpendapat ilmu sihir telah mula bertapak sejak zaman Nabi Idris a.s iaitu ketika turunnya malaikat yang bernama Harut dan Marut di negeri Babylon.³

Di Malaysia, ilmu sihir bukanlah suatu yang asing dalam kalangan masyarakat setempat. Kebanyakan penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dan agama menerima hakikat yang ilmu sihir sememangnya wujud

dan diamalkan oleh golongan tertentu dalam kehidupan sosial mereka. Menurut William Shaw,⁴ hampir saban tahun sebilangan masyarakat di Malaysia percaya yang mereka telah menjadi mangsa sihir dan cuba mencari jalan bagi mendapatkan rawatan di samping 'menghantar semula' sihir itu kepada tuannya. Bukan tidak wujud kes-kes individu yang menanggung derita akibat terkena sihir. Malah kedengaran juga berlaku persengketaan antara anggota masyarakat akibat dakwaan kononnya ada antara mereka yang mengenakan sihir kepada orang lain.

Unsur tuduh-menuduh sebegini kerap kali didengari terutama dalam kalangan peniaga,⁵ pasangan yang mempunyai hubungan sulit ataupun yang dimadukan,⁶ artis dan selebriti,⁷ ahli-ahli politik,⁸ cendekiawan, ahli-ahli korporat dan tidak ketinggalan orang-orang dalam institusi keagamaan. Senario yang berlaku pada hari ini menuntut supaya pihak berwajib mengambil

langkah proaktif bagi menutup pintu yang menjadi laluan masuk kepada anasir yang dapat mengganggu gugat kesejahteraan masyarakat ini. Desakan daripada pihak-pihak yang prihatin supaya digubal satu undang-undang bagi menangani jenayah sihir mula timbul. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan beberapa halangan akan muncul ke arah mewujudkan undang-undang jenayah sihir ini. Lantas, beberapa cadangan dan idea akan dikemukakan dalam penulisan ini agar menjadi sokongan dan batu loncatan yang lebih drastik ke arah mewujudkan undang-undang jenayah sihir yang semakin menjadi keperluan pada masa kini khususnya di Malaysia. Hal ini lebih mendesak apabila statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan sebanyak 69 peratus rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PTK) berbanding perubatan moden. Selain itu, statistik kes penipuan oleh bomoh pada tahun 2012 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah kerugian yang dialami mangsa meningkat 63.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya serta melibatkan amaun RM12,494,665.27.⁹ Daripada statistik berikut, jelas menunjukkan bahawa jenayah sihir dilihat semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia kerana sihir merupakan kaedah halus untuk menjatuhkan seseorang dengan lebih mudah dan berkesan serta tanpa disyaki.

KONSEP SIHIR MENURUT SARJANA ISLAM

Memandangkan ilmu sihir adalah ilmu mistik yang melibatkan unsur ghaib, pendefinisian ilmu sihir secara tepat, komprehensif dan menyeluruh sukar dan menimbulkan perselisihan antara para pengkaji dalam pelbagai bidang. Bagi memberikan satu makna yang dapat menerangkan sifat ilmu sihir, disenaraikan beberapa definisi ilmu sihir yang diberikan oleh sarjana Islam supaya ia boleh mencari satu titik pertemuan yang dapat menghasilkan satu pendefinisian yang tepat. Antara definisi sihir adalah seperti berikut:

1. Menurut Imam Fakhru al-Razi yang menyatakan sihir ialah setiap perkara ataupun kejadian yang berlaku tanpa diketahui sebabnya serta menimbulkan khayalan ke atas sesuatu perkara dan ia bukan perkara yang sebenarnya berlaku.¹⁰
2. Syed Abdullah Hussain pula menyatakan sihir ialah perbuatan luar biasa yang sukar difahami oleh manusia. Ia tidak diketahui sebab-sebabnya serta perbuatan itu dilakukan secara tersembunyi dan penuh tipu daya.¹¹
3. Ali Muhammad al-Bajawi: sihir ialah amalan yang menimbulkan kaedah-kaedah khusus melibatkan pemujaan syaitan.¹²
4. Al-Qurtubi: sihir pada asalnya bertujuan mengelirukan pandangan mata. Ia menimbulkan khayalan kepada

orang yang disihir sehingga beliau merasakan perkara yang bersalahan dengan keadaan yang sebenar.¹³

5. Muhammad Mushtafa al-Hadidi Atthair: sihir ialah perkara luar biasa dan aneh. Ia bersifat *khawriqul adat* iaitu di luar kemampuan manusia biasa dan seakan-akan dengan mukjizat, namun tidak tergolong sebahagian daripadanya.¹⁴
6. Muhammad Muhammad Ja'far: sihir ialah perbuatan yang dilakukan dengan menyediakan syarat-syarat khusus, di bawah keadaan dan persiapan-persiapan yang aneh dengan cara-cara misteri. Perkara itu dilakukan bagi mempengaruhi seseorang ataupun sejumlah orang bagi mencapai kehendak yang diinginkan oleh orang yang memintanya.¹⁵

Melalui definisi-definisi yang diberikan, penulis mendapati terdapat tiga elemen penting yang sama dan sering diulang-ulang oleh para sarjana dalam memberikan takrif sihir iaitu:

1. Ilmu sihir ialah suatu amalan yang melibatkan perjanjian dengan jin ataupun syaitan.
2. Pengamal ilmu sihir perlu mematuhi syarat-syarat ataupun menggunakan alatan khusus dalam pengamalannya.
3. Satu perkara luar biasa yang tidak mampu dilakukan oleh manusia biasa, terhasil daripada perjanjian dan pematuhan kepada syarat tadi.

Kesimpulannya, ilmu sihir sebagai suatu ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat diterangkan puncanya secara logik, terhasil melalui penglibatan jin, syaitan dan iblis dengan menggunakan peralatan dan kaedah yang khusus.

SIHIR MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Islam memandang serius terhadap perbuatan dan amalan sihir. Hal ini dapat dibuktikan apabila kesalahan dan kepercayaan terhadap sihir merupakan salah satu dosa-dosa besar dalam Islam. Segala perkataan dan perbuatan yang bertentangan dengan agama Islam akan menjadikan golongan yang beramal dengan sihir menjadi kafir kerana *iktikad* dan pegangannya telah terpesong dari akidah dan syariat Islam yang sebenar.

SIHIR: HUDUD, QISAS ATAU TA'ZIR

Sihir sebagai Kesalahan Jenayah Qisas Sebahagian ulama menyatakan sihir termasuk dalam kategori hudud kerana kesannya merangkumi semua jenayah hudud yang telah disepakati oleh para ulama. Ia dibuktikan melalui mekanisme sihir, seseorang itu boleh melakukan jenayah mencuri, merompak, merogol dan sebagainya yang tergolong dalam jenayah hudud dengan hanya menggunakan sihir. Malah, alasan sihir termasuk dalam hudud disandarkan juga kepada jenayah murtad.

Seseorang yang beramal dengan ilmu hitam ini diiktiraf sebagai seorang yang murtad dan kafir melalui perbuatan, percakapan dan *iktikad* yang menyimpang dari landasan Islam.¹⁶ Maka bagi golongan ulama yang menerima murtad sebagai jenayah hudud, mereka juga meletakkan kesalahan jenayah sihir termasuk jenis jenayah yang sama. Hukuman yang dikenakan juga adalah hukuman qisas. Mereka yang didapati memenuhi keperluan pembuktian melakukan jenayah sihir seperti pembunuhan dengan sengaja dan mencederakan dengan sengaja, maka hukumannya adalah pembalasan semula yang telah ditetapkan dalam jenayah qisas.

Sihir sebagai Kesalahan Jenayah Ta'zir Walau bagaimanapun, majoriti ulama menyatakan jenayah sihir merupakan suatu kesalahan ta'zir. Hal ini kerana tiada dalil yang khusus berkaitan jenayah sihir serta perbincangan mengenai bentuk hukumannya secara terperinci dalam sumber-sumber hukum yang disepakati. Oleh itu, segala kesalahan yang berpunca daripada jenayah sihir adalah dikategorikan di bawah jenayah ta'zir.¹⁷

UQUBAH KE ATAS TUKANG SIHIR

Pendapat Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Ahmad, golongan Syi'ah dan sebilangan besar sahabat-sahabat Rasulullah SAW menyatakan bentuk hukuman terhadap tukang sihir adalah pelakunya wajib dibunuh dengan cara dipenggal lehernya menggunakan pedang. Ini kerana perbuatan mempelajari dan mengamalkan ilmu hitam ini akan menyebabkan mereka menjadi kafir.

Pendapat ini juga tidak membuka ruang kepada tukang sihir untuk bertaubat kerana mereka meletakkan sihir di bawah satu kesalahan jenayah yang sangat berat dan akan memberikan kemudaratan yang besar kepada masyarakat lain secara keseluruhannya.

Manakala Imam al-Syafie dan golongan al-Zahiri pula mengatakan bahawa amalan sihir oleh penyihir tersebut membawa kepada kekufuran, maka tukang sihir tersebut menjadi kafir dan seterusnya murtad. Oleh itu, hukuman kepada penyihir adalah sama seperti hukuman yang dijatuhkan ke atas orang yang murtad, kecuali mereka bertaubat. Sekiranya perbuatan atau ucapannya tidak membawa kepada kekufuran, maka ia tidak menjadi kafir dan tidak boleh dibunuh. Justeru, ia diletakkan di bawah kesalahan ta'zir dan dihukum menurut ketentuan dan kebijaksanaan pemerintah atau hakim berdasarkan kepada maklumat dan pembuktian daripada dalil-dalil yang sah.¹⁸

JENAYAH SIHIR: KUASA EKSKLUSIF KEPADA MAHKAMAH SYARIAH ATAU MAHKAMAH SIVIL

Isu sudut bidang kuasa bagi mendengar kes-kes berkaitan sihir ini menjadi isu yang kerap kali diperdebatkan.¹⁹ Ia berada di bawah bidang kuasa negeri atau Persekutuan. Keterbatasan bidang kuasa mahkamah syariah seperti

tiada undang-undang dan kepakaran di dalam bidang sihir telah menyukarkan lagi kes ini untuk didengar dihadapan mahkamah syariah. Lebih mencacatkan lagi sistem perundangan apabila jenayah sihir dilakukan oleh sekumpulan yang terdiri daripada pelbagai agama, maka penganut agama Islam sahaja yang akan dikenakan hukuman kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap penganut selain agama Islam.

Oleh yang demikian, kuasa eksklusif wajarlah diberikan kepada mahkamah yang dapat menjalankan hukuman secara adil kepada semua penjenayah sihir yang terlibat. Di samping itu, tiba masanya juga untuk bidang kuasa mahkamah syariah diperluaskan lagi agar martabat dan syariat Islam dapat ditegakkan khususnya menerusi undang-undang jenayah Islam di Malaysia. Perkara ini penting kerana ketidakseragaman dalam penentuan sesuatu hukuman pada jenayah yang sama akan menyebabkan undang-undang di Malaysia dipandang rendah oleh masyarakat luar.²⁰ Justeru, peruntukan berkaitan undang-undang jenayah sihir perlulah bersifat seragam supaya keadilan dan hukuman Islam dapat ditegakkan tanpa sebarang halangan.

PENDAKWAAN DAN PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR

Bidang kuasa bagi mendengar kes-kes melibatkan sihir ini boleh diberikan sama ada kepada mahkamah sivil atau mahkamah syariah. Penyelesaian terhadap isu yang paling penting dalam pelaksanaan undang-undang sihir ini ialah prosedur pendakwaan juga perlu dibuat. Pelaksanaannya memerlukan penelitian secara terperinci terhadap beberapa aspek seperti menentukan jenayah sihir terletak di bawah hudud, qisas atau ta'zir menurut Islam dan pandangan yang akan diguna pakai ke arah melaksanakan undang-undang jenayah sihir di Malaysia. Hal ini akan melibatkan pencapaian kepada tahap pembuktian yang berbeza-beza sama ada di peringkat *prima facie* atau penghakiman. Sekiranya diletakkan di bawah kesalahan hudud, maka sudah pasti tahap yang diperlukan ialah "Yakin" dan tahap ini memerlukan dua orang saksi yang memenuhi syarat-syarat kesaksian. Sekiranya jenayah sihir ini diletakkan di bawah kesalahan ta'zir, maka bilangan saksi minima yang diperlukan haruslah ditentukan.²¹ Oleh yang demikian, bentuk-bentuk pembuktian dan keterangan bagi jenayah sihir masih lagi tidak ditentukan secara jelas dan situasi ini merupakan isu utama yang perlu diwujudkan terlebih dahulu kerana ia merupakan tunjang utama ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah sihir di Malaysia.

TENAGA PAKAR DALAM BIDANG SIHIR

Kepakaran golongan tertentu dalam bidang sihir juga menjadi isu utama dan perkara ini sangat berkait rapat dalam proses pendakwaan dan pembuktian. Sehingga kertas kerja ini ditulis, masih belum wujud lagi satu

badan atau golongan pakar yang bertanggungjawab dalam proses melaksanakan jenayah sihir di Malaysia. Hal ini kerana terdapat banyak perkara yang perlu dipertimbangkan untuk mewujudkan entiti seperti ini kerana sihir merupakan jenayah ilmu hitam yang tidak dapat dilihat dan dinilai dengan mata kasar. Oleh yang demikian, siapakah yang boleh didefinisikan sebagai golongan pakar dalam bidang sihir ini? Kemudiannya pihak manakah yang berautoriti dan mampu untuk menjustifikasikan golongan ini sebagai pakar sihir? Jika golongan pakar hanya diberikan kepada pihak pengamal perubatan Islam, maka perkara ini masih lagi sukar untuk dibuktikan kerana ia masih berkisar di alam maya dan bukannya suatu yang dapat dinilai oleh mata kasar. Pada masa yang sama, untuk menjustifikasikan golongan yang pakar dalam bidang perubatan Islam juga merupakan satu perkara yang sukar. Selain itu, jika golongan pakar hanya diberikan kepada pihak berkuasa seperti pihak polis, maka sudah tentu kerja-kerja penyiasatan mengalami banyak halangan dan ini secara tidak langsung menyukarkan lagi usaha-usaha untuk mencari dan mengumpul keterangan. Secara keseluruhannya golongan pakar ini sukar diwujudkan melalui satu pihak sahaja kerana pembuktian terhadap jenayah sihir memerlukan golongan yang pakar dalam pelbagai bidang disebabkan ia melibatkan banyak unsur-unsur akidah, sains dan teknikal.²²

CADANGAN KE ARAH PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SIHIR DI MALAYSIA

MEMINDA BEBERAPA PERUNTUKAN YANG MENYENTUH BIDANG KUASA PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI²³

Pembahagian kuasa antara pihak berkuasa pusat dan negeri-negeri juga perlu disentuh kerana ia melibatkan soal bidang kuasa ke atas Islam. Seperti yang diketahui umum, persoalan pentadbiran undang-undang jenayah dan keadilan diletakkan di bawah bidang kuasa persekutuan. Sementara itu, Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa perkara-perkara berhubung dengan Islam sebagaimana yang terdapat dalam kerangka perlembagaan sebenarnya berkisar kepada soal undang-undang keluarga. Malah ada undang-undang yang membataskan bidang kuasa mahkamah syariah.²⁴ Oleh yang demikian, adakah kedudukan ini menjadi penghalang utama ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah sihir di Malaysia? Jawapannya, tidak. Apa yang ditetapkan oleh perlembagaan ialah bahawa bidang kuasa berkenaan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa persekutuan. Jadi, ahli-ahli parlimen dan kerajaan persekutuanlah yang bertanggungjawab mengatur langkah ke arah melaksanakan undang-undang jenayah Islam seperti jenayah sihir. Hal ini termasuklah meminda undang-undang dan peruntukan yang ada supaya selari dengan kehendak Islam dan kemudiannya melaksanakannya.²⁵

Justeru itu, dalam usaha melaksanakan undang-undang jenayah sihir di Malaysia, pelaksanaannya perlulah menyeluruh iaitu merangkumi bidang kuasa di bawah Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil. Hal ini jika hanya dilaksanakan di Mahkamah Syariah sahaja, maka sudah tentu jika pihak yang satu lagi terdiri daripada bukan Islam akan terlepas daripada didakwa kerana kelemahan peruntukan yang tidak menyeluruh sifatnya.

Walau bagaimanapun, kita akui bahawa terdapat banyak lagi perkara yang masih tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini berkaitan dengan isu bidang kuasa dan lebih malang lagi pelanggaran beberapa bidang kuasa telah merencatkan sesuatu permasalahan itu dapat diselesaikan dengan cara yang berkesan. Begitu juga dalam usaha melaksanakan undang-undang jenayah sihir ini, akan timbul persoalan siapakah yang mempunyai bidang kuasa sebenar dalam melaksanakan dan mempunyai autoriti yang lebih utama.

Sebagai langkah yang lebih proaktif, cadangan yang telah timbul sebelum ini untuk menggabungkan hakim-hakim antara syariah dan sivil untuk mendengar dan memutuskan isu-isu yang berkaitan sebegini sangat lebih berkesan. Hal ini kerana masing-masing mempunyai kepakaran yang tersendiri terutamanya berkaitan dengan hukum hakam dan prosedur-prosedur yang mesti dinilai secara mendalam. Oleh yang demikian, wajarlah perkara ini diwujudkan dalam merealisasikan undang-undang jenayah sihir di Malaysia yang lebih adil dan bersifat menyeluruh.

MEWUJUDKAN SATU BADAN BEBAS YANG PAKAR DALAM BIDANG SIHIR

Bagi menjamin ketelusan dalam siasatan dan kebolehpercayaan pada bukti dan keterangan yang dikemukakan, maka dicadangkan agar ditubuhkan satu badan penyiasatan khas yang dinamakan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir atau apa-apa nama yang difikirkan sesuai di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM).²⁶ Jabatan Siasatan Jenayah Sihir ini akan mengguna pakai struktur organisasi yang sama sepertimana yang terdapat dalam Jabatan-jabatan Siasatan Jenayah di bawah PDRM. Antaranya ialah, Jabatan Siasatan Jenayah Sihir ini akan diketuai oleh seorang pengarah yang akan bertanggungjawab atas segala arahan, kawalan dan pengawasan segala perkara yang berhubungan dengan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir. Jabatan ini akan mempunyai cawangan di setiap negeri bagi memudahkan orang awam untuk berurusan.

Oleh kerana jabatan ini terlibat dalam menyiasat suatu jenayah yang sukar dikesan dengan mata kasar, maka ia perlu mempunyai beberapa pengkhususan. Antara pengkhususan terpenting ialah penubuhan sebuah Lembaga Penasihat Khas kepada Jabatan Siasatan Jenayah Sihir. Anggota-anggota yang dilantik mestilah seorang individu yang mempunyai integriti, kredibiliti dan reputasi yang baik, sama ada dari segi

akademik atau pengalaman yang luas atau telah mencapai keunggulan yang diiktiraf dalam profesion berkaitan. Pegawai-pegawai jabatan ini juga hendaklah dilatih dan didedahkan, sama ada melalui kursus, latihan, bengkel, arahan kerja dan yang seumpamanya, tentang tatacara penyiasatan, kaedah untuk mendapatkan maklumat tentang jenis sihir, bahan yang digunakan, dalangnya, cara untuk melakukan pengeledahan bagi mencari dan membuat pengecaman bahan-bahan yang digunakan dalam penyihiran. Pegawai Penyiasat juga mestilah menjalani latihan khusus bagi memahami selok-belok pengamalan sihir yang merangkumi unsur-unsur yang menjadi teras ilmu sihir dan tipu daya yang terdapat di dalamnya dari segala aspek keagamaan, suku kaum etnik dan pengamalan-pengamalannya. Semua kandungan kursus dan latihan ini mesti digubal, diteliti dan diendorseskan oleh Lembaga Penasihat Jenayah Sihir.

Setelah penubuhan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir ini dapat direalisasikan, maka prosedur yang sebagaimana biasa diikuti dalam mana-mana prosiding di mahkamah seperti aduan kepada pegawai, siasatan, tangkapan, pengeledahan, pendakwaan dan perbicaraan akan berjalan seperti biasa. Walaupun tatacara dan prosedur yang dijalankan seakan-akan sama, namun terdapat beberapa kaedah khusus yang mesti diguna pakai dalam menyiasat kes-kes berhubung jenayah sihir. Kaedah ini mesti dipatuhi secara ketat di setiap peringkat dan dengan penuh ketelitian supaya ketelusan siasatan dapat disaksikan oleh mereka yang terlibat. Oleh yang demikian, secara ringkasnya kesemua mereka yang terlibat haruslah mempunyai kepakaran dan disiplin yang tersendiri antaranya dari golongan pengamal perubatan Islam, pihak polis dan juga ahli-ahli sains. Lebih penting daripada itu, keterangan pakar yang diwujudkan mestilah mereka yang boleh diterima dan diiktiraf oleh pihak mahkamah.

MEWUJUDKAN PROSEDUR YANG KHUSUS UNTUK TUJUAN PENDAKWAAN DAN PEMBUKTIAN

Bagi melaksanakan sesuatu undang-undang jenayah, maka aspek pembuktian merupakan elemen yang penting untuk diteliti kerana perkara ini yang menjadi tunjang terhadap pendakwaan sesuatu kesalahan dan seterusnya menjamin keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat. Bagi memastikan mekanisme yang digunakan pada masa proses memberi keterangan dalam mahkamah dapat disesuaikan dengan situasi dan keadaan kes, terdapat beberapa kaedah yang dapat diguna pakai bagi tujuan pembuktian.²⁷

Iqrar (pengakuan tertuduh) *Iqrar* merupakan satu kaedah yang tidak dipertikaikan dan dipersetujui oleh para ulama serta ia merupakan hujah yang kuat untuk mencapai peringkat 'yakin.' Pengakuan tertuduh atau pengakuan salah ialah pengakuan yang dibuat pada bila-bila masa oleh individu yang dituduh atas kesalahan, menyatakan ataupun menyarankan kesimpulan yang menyatakan dia melakukan kesalahan itu.²⁸

Shahadah (kesaksian) Juga dipersetujui oleh semua ulama dan merupakan kaedah yang sangat kuat untuk mencapai tahap 'yakin.' Walau bagaimanapun, kaedah ini amat sukar dikemukakan kerana perlu mematuhi enam syarat saksi iaitu Islam, akil, baligh, adil, ingatan yang baik dan tidak berprasangka. Untuk memenuhi syarat adil adalah satu yang amat sukar walaupun tidak mustahil.

Bayyinah (keterangan) Ini adalah keterangan lisan yang dibuat oleh saksi-saksi yang tidak layak untuk memberi kesaksian kerana tidak memenuhi syarat sebagai seorang saksi. Saksi ini tidak memberi kesaksian (*shahadah*) tetapi hanyalah *bayyinah*. Mereka terdiri daripada bukan Islam atau seorang fasik atau kanak-kanak atau seorang dewasa yang lemah ingatan atau seorang yang adil tetapi mempunyai kepentingan dalam kes tersebut.

Qarinah (fakta kaitan sama ada melalui lisan, perbuatan, niat/motif, kelakuan/perangai, keadaan persekitaran, pandangan/pendapat) *Qarinah* merupakan kaedah pembuktian yang sangat sesuai digunakan buat masa ini kerana keluasan skopnya dan kemudahan memperolehinya berbanding keterangan langsung (*iqrar* dan *shahadah*) yang sukar diperolehi.²⁹

Kitabah (Dokumen) Segala dokumen yang berbentuk catatan atau rakaman mengenai perilaku pengamal sihir atau orang yang menggunakan sihir boleh dikemukakan sebagai bukti dan kekuatan penerimaan bahan bukti ini bagaimanapun bergantung kepada sama ada ia merupakan jenis primer atau sekunder, awam atau persendirian.

Ray al-Khabir (Pendapat pakar) Keterangan pakar merupakan kaedah pembuktian yang mula mendapat tempat dewasa ini. Namun dalam jenayah sihir ini, keterangan pakar amat sukar diperolehi kerana kepakaran seseorang berkaitan sihir masih menjadi persoalan dan tiada mekanisme yang dapat menjustifikasikan seseorang itu sebagai pakar. Hal ini kerana jenayah sihir melibatkan kepakaran dari sudut pengamal perubatan Islam, sains dan juga teknikal. Pendedahan selanjutnya akan dihuraikan selepas ini bagi mencari jalan yang terbaik dalam mewujudkan dan menghuraikan golongan yang pakar dalam bidang jenayah sihir.

MENGUBAL AKTA KHUSUS BERKAITAN JENAYAH SIHIR

Untuk menjalankan suatu prosiding jenayah, pihak berkuasa memerlukan satu punca kuasa yang memberikannya kebenaran dan kuasa untuk melakukan satu-satu tindakan. Punca kuasa tersebut berupa peruntukan undang-undang atau arahan pihak berkuasa. Dicadangkan agar digubal satu Akta yang dinamakan Akta Jenayah Sihir³⁰ yang mengandungi:

1. Peruntukan bagi menubuhkan sebuah jabatan siasatan khas yang mempunyai kuasa untuk menyiasat dan menjalankan segala prosedur yang berkaitan bagi membanteras kegiatan jenayah menggunakan ilmu sihir;

2. Definisi dan senarai kesalahan-kesalahan jenayah yang ada kaitan dengan sihir serta hukumannya;
3. Tatacara dan kaedah-kaedah yang mesti difahami dan dipatuhi oleh seseorang pegawai dalam menerima aduan, menjalankan siasatan, melakukan geledahan, membuat tangkapan, memeriksa orang dan barang;
4. Jenis keterangan yang boleh menjadi bahan bukti dan diterimapakai di dalam perbicaraan mahkamah.

Usaha ke arah ini telah hampir diselesaikan oleh mereka yang pakar dalam undang-undang terutamanya oleh ahli-ahli akademik. Deraf undang-undang Jenayah Sihir Malaysia juga telah berjaya diwujudkan³¹ namun ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk terus diluluskan rentetan daripada hambatan dan halangan dari sudut-sudut yang lain. Walau bagaimanapun, kewujudan deraf ini sedikit sebanyak menunjukkan kesungguhan pihak-pihak tertentu ke arah melaksanakan undang-undang jenayah sihir dan sekali gus dapat membuka mata pihak-pihak yang lebih berkuasa untuk menilainya.

PERANAN PIHAK PEMIMPIN KERAJAAN DAN POLITIK (POLITICAL WILL)³²

Tidak dapat dinafikan bahawa pihak kerajaan ataupun yang berada di kerusi parlimen mempunyai kuasa yang besar. Walaupun kita menyedari bahawa pengasingan kuasa wujud di negara ini, namun hakikatnya tunjang utama sesuatu dasar itu wujud bermulanya daripada pihak pemimpin kerajaan. Sebagai contohnya, perlantikan Ketua Hakim mestilah atas nasihat Perdana Menteri terlebih dahulu walaupun lantikannya ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Justeru itu, segala halangan untuk mewujudkan undang-undang jenayah sihir boleh diatasi sekiranya pihak kerajaan memberikan perhatian yang serius dan berkehendak terhadap akta ini. Di samping itu juga, pihak-pihak yang berwajib seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlulah mengambil langkah yang proaktif sekali gus menjadi wadah dan saluran kepada pihak kerajaan tentang peri pentingnya akta ini diwujudkan pada masa kini. Sekiranya tiada saluran yang efisien diwujudkan oleh pihak-pihak yang berautoriti kepada pihak kerajaan, maka ternyata sukar untuk pihak kerajaan membuka mata bagi memberikan perhatian kepada jenayah ilmu hitam ini.

Sekiranya juga segala maklumat dan input telah disampaikan kepada pihak kerajaan, namun tiada pendekatan yang membina dan tidak menunjukkan keinginan kepada akta ini, maka sudah tentu mereka yang bergelar ahli parlimen yang mempunyai 'kuasa besar' dalam meluluskan sesuatu akta tidak akan memberikan persetujuan dan tidak mengambil cakna terhadap perkara ini sekali gus merencatkan dan melumpuhkan undang-undang jenayah sihir ini diwujudkan di Malaysia. Hal ini kerana halangan yang utama dalam melaksanakan sebarang undang-undang jenayah Islam adalah dari sudut undang-undang itu sendiri dan dari sudut politik.

Sememangnya sukar untuk memisahkan kedua-dua aspek ini kerana ia adalah cabang untuk menangani masalah kuasa dan kenegaraan.³³ Maka dengan ini, peranan pimpinan dan politik menjadi dasar yang utama bagi merealisasikan hasrat ke arah mewujudkan undang-undang jenayah sihir di Malaysia ini.

PENDEDAHAN YANG LEBIH MELUAS OLEH AHLI-AHLI AKADEMIK DAN INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN

Sistem pembelajaran merupakan suatu wadah yang signifikan dalam penyampaian sesuatu maklumat kepada generasi yang mendatang.³⁴ Oleh yang demikian, kesedaran berkaitan pentingnya jenayah sihir perlulah disemai dalam sesi menimba ilmu kerana ia akan mempengaruhi dan membuka ruang untuk generasi seterusnya mengenali jenayah ini dengan lebih mendalam. Ahli-ahli akademik dan juga golongan pakar dalam bidang ini perlulah mempergiatkan kajian dalam bidang sihir supaya perkara ini dapat melahirkan golongan yang cakna berkaitan jenayah ilmu hitam ini. Di Malaysia jelas kelihatan bahawa masih tidak ramai yang berminat membuat kajian dan penulisan berkaitan sihir mungkin disebabkan cabaran dan halangan yang besar terpaksa ditempuhi dalam menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian, walaupun idea ini bukanlah menjadi tunjang utama dalam melaksanakan undang-undang jenayah sihir di Malaysia, namun ia sedikit sebanyak mampu menyumbangkan usaha ke arah kesedaran, pembentukan dan kewujudan undang-undang tersebut.

KESIMPULAN

Perbuatan jenayah yang melibatkan penggunaan ilmu sihir adalah antara satu penyakit dalam masyarakat yang sehingga kini tiada penawarnya. Jenayah ini sudah jauh menular ke dalam sel-sel kehidupan masyarakat dan menjadi barah yang sukar untuk diubati. Pengaplikasian undang-undang bagi merawat gejala ini sangat perlu memandangkan ia sudah sebatil dalam masyarakat dan tersebar luas tanpa mengira sempadan negara dan bangsa.

Sememangnya kesan barah sihir ini tidak kelihatan pada pandangan mata kasar kerana ia melibatkan sesuatu yang seni yang hanya diketahui oleh pakar yang mempunyai kebolehan untuk membedah dan menunjukkan kepada hakim bahawa inilah yang menjadi punca gangguan kepada keharmonian hidup dalam masyarakat. Justeru, kajian bagi mencari punca dan cara merawat masalah ini amat penting kerana ia adalah usaha untuk memulihkan kembali fungsi anggota masyarakat yang terjejas akibat barah sihir dan menyekatnya dari terus merebak dan mengganggu ketenteraman awam. Walaupun ruang yang ada dari sudut undang-undang masih terbatas dan terhad dan seolah-olah pelaksanaannya memerlukan lebih banyak lagi tinjauan

dan penelitian, namun ia bukanlah suatu yang mustahil untuk dilaksanakan.

Oleh yang demikian, dalam usaha untuk merangka satu mekanisme perundangan yang mampu menangani masalah jenayah sihir ini, timbul beberapa isu, persoalan dan juga cabaran yang menjadi penghalang dan sekatan dalam menuju pelaksanaan undang-undang jenayah sihir di Malaysia ini. Lantas, setiap satu itu perlulah dinilai secara teliti dan dianalisis secara mendalam agar jalan yang terbaik dapat dicapai. Keterlibatan semua pihak juga memainkan peranan yang penting terutamanya pihak kerajaan dan ahli parlimen. Mereka perlulah melahirkan dan menunjukkan rasa sokongan yang padu ke arah mewujudkan peruntukan ini. Tidak ketinggalan juga ahli-ahli akademik, pakar perubatan Islam, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta badan-badan yang berautoriti seperti JKSM dan JAKIM juga perlu berganding bahu dan memikirkan jalan terbaik ke arah mewujudkan undang-undang jenayah sihir di Malaysia. Jika segala isu yang timbul dapat dicari titik penyelesaiannya dan cadangan yang telah disusun dengan rapi berjaya diaplikasikan, maka tidak mustahil Malaysia akan berjaya mewujudkan peruntukan khusus berkaitan dengan undang-undang jenayah sihir.

NOTA

- ¹ Abd Razak Naufal, *Sihir Tarut, Harut, Marut*, Singapura: Percetakan Nasional, 1982, hlm. 5.
- ² Umar Sulayman Al-'Ashqar, *Alam al-sihri wa al-sha'wazah*. T.tp, 2002, hlm. 19.
- ³ Muhammad Mustafa al-Hadidi Al-Thair, *Penyuluh: Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani, 1987, hlm. 101.
- ⁴ William Shaw, *Aspects of Malaysian Magic*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1975, hlm. 49.
- ⁵ Sebagai contoh, lihat kes *Mustafa Batcha lwn Habeba Abd Rahman* [1410] JH 41.
- ⁶ Sebagai contoh, lihat *Sabarudin bin Non & Ors v PP* [2005] 4 MLJ 37.
- ⁷ Sebagai contoh, lihat kes *Safura bte Ya'cob v Saripah Raziah bte Mustafa* [2003] MLJU 9.
- ⁸ Sebagai contoh lihat kes *Juraimi bin Husin v PP, Mohd Affandi bin Abdul Rahman & Anor v PP* [1998] 1 MLJ 537, dan kes *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v PP* [1983] 2 MLJ 232.
- ⁹ Dilaporkan dalam Utusan Malaysia pada 20 Jun 2013.
- ¹⁰ Al-Razi, Fakhru al-din Muhammad b Umar, *Al-Tafsir al-kabir*, Juzu' 3. Kaherah: Matbaah al-Bahiyah al-Misriyyah, 1938, hlm. 205. Lihat juga al-Imam Fakhru al-din Muhammad b Umar al-Razi, *Ahkam al-Sihri wa al-Sahrah fi Al-Quran wa Al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikri al-Lubnaniyy, 1991 hlm. 10.
- ¹¹ Syed Abdullah Hussin, *Menyingkap rahsia jin, syaitan dan malaikat*, terj. Abdullah al-Qari b. Salleh. Kelantan: Penerbit PAP, 1975, hlm.149. Dipetik dari Abdul Basir Mohammed, 1999, hlm. 1.
- ¹² Ali Muhammad al-Bajawi, *ahkam Al-Qur'an li Ibn al-Arabiyy*, Juzu' 1, Isa al-Babi al-Halabi wa al-Shurakah, t.th, hlm. 31. Dipetik dari Abdul Basir Mohammed, 1999, hlm. 2.
- ¹³ Muhammad Ali al-Sabuni, *Rawai al-Bayan Tafsir ayat al-ahkam min Al-Qur'an*, Juzu' 1, Damsyik: Mansyurat Maktabat al-Ghazali, 1397H/1977M, hlm. 67. Dipetik dari Abdul Basir Mohammed, 1999, hlm. 3.

- ¹⁴ Muhammad Mustafa al-Hadidi Al-Thair, *Penyuluh Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani, 1987, hlm. 96.
- ¹⁵ Muhammad Muhammad Ja'far, *Al-Sihr*. Kaherah: Maktabat al-Anjalu al-Misriyyah, 1958, hlm. 34. Definisi yang sama juga diberikan oleh Ibrahim Muhammad al-Jamal, 1403H, hlm. 42.
- ¹⁶ Mat Saat Abdul Rahman, *Uqubah Menurut Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia, 2000, hlm. 173.
- ¹⁷ Mat Saad Abdul Rahman, *Uqubah dalam Jenayah Taazir dan Pelaksanaannya dalam Masyarakat Majmuk*, Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia, 2000, hlm. 337.
- ¹⁸ Abdul Aziz Hussin, *Panduan Umum Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- ¹⁹ Farid Sufian Shuaib, *Menyusuri Kesan Pindaan Perlembagaan Perkara 121(1A) ke atas Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, hlm. 6.
- ²⁰ Abdul Aziz Bari, *Undang-undang Moral dan Jenayah Syariah: Persekutan Lawan Negeri Di Dalam Perlembagaan Malaysia dalam Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005, hlm. 141-153.
- ²¹ Zulfakar Ramlee Saad, *Pendakwaan Jenayah Sihir: Prinsip-Prinsip Pembuktian dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah*, dalam Muzakarah Pakar, Jabatan Mufti Selangor, 21 Julai 2010, hlm. 6.
- ²² Mahyuddin Ismail, *Mantera Penunjuk Sihir: Keterangan Saksi Pakar*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., hlm. 253.
- ²³ Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pindaan Undang-undang Bertulis dalam Tinjauan kepada Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000, hlm. 33.
- ²⁴ Abd. Jalil Borhan, *Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah dan bidang kuasanya di Malaysia dalam Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998, hlm. 24-30.
- ²⁵ Abdul Aziz Bari, *Halangan-halangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia dalam Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005, hlm. 101.
- ²⁶ Mahyudin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2011, hlm. 283.
- ²⁷ Zulfakar Ramlee Saad, *Pendakwaan Jenayah Sihir: Prinsip-Prinsip Pembuktian dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah*, dalam Muzakarah Pakar, Jabatan Mufti Selangor, 21 Julai 2010, hlm. 4.
- ²⁸ Seksyen 17(2) Akta Keterangan 1950.
- ²⁹ Zulfakar Ramlee, *'Al-Qarinah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah, Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, vol. 13, 2007, hlm. 187-211.
- ³⁰ Mahyuddin Ismail, *Hikmat Penangkapan Sihir: Deraf Undang-undang Jenayah Sihir Malaysia*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., hlm. 283.
- ³¹ Mahyudin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2011, hlm. 283.
- ³² Hasan Bahrom, *Political Will (Kemahuan Politik) dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam dalam Undang-undang Syariah di Malaysia*, Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2013, hlm. 75.
- ³³ Abdul Aziz Bari, *Halangan-halangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia dalam Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005, hlm. 97-98.
- ³⁴ Mahyudin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2011, hlm. 258.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Abd. Jalil Borhan. 1998. *Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Bidang Kuasanya di Malaysia dalam Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Bari. 2005. *Halangan-halangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Dalam Perlembagaan Malaysia dalam Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- _____. 2005. *Murtad dalam Konteks Kebebasan Beragama di Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- _____. 2005. *Undang-undang Moral dan Jenayah Syariah: Persekutuan Lawan Negeri? dalam Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Aziz Hussin. 2010. *Panduan Umum Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 2000. *Pindaan Undang-undang Bertulis dalam Tinjauan kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ali Muhammad al-Bajawi. T.th. *ahkam Al-Qur'an li Ibn al-Arabiyy*, Juzu' 1, Isa al-Babi al-Halabi wa al-Shurakah. hlm. 31. Dipetik dari Abdul Basir Mohammed. 1999.
- Al-Razi, Fakhru al-din Muhammad b Umar. 1938. *Al-Tafsir al-kabir*, Juzu' 3. Kaherah: Matbaah al-Bahiyyah al-Misriyyah. hlm. 205. Lihat juga al-Imam Fakhru al-din Muhammad b Umar al-Razi. 1991. *Ahkam al-Sihri wa al-Sahrah fi Al-Quran wa Al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikri al-Lubnaniyy.
- Farid Sufian Shuaib. 2007. *Menyusuri Kesan Pindaan Perlembagaan Perkara 121(1A) ke atas Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Bahrom. 2013. *Political Will (Kemahuan Politik) dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam dalam Undang-undang Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mahyudin Ismail. 2011. *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Mat Saad Abdul Rahman. 2006. *Uqubah dalam Jenayah Taazir dan Pelaksanaannya dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia.
- Mat Saat Abdul Rahman. 2000. *Uqubah Menurut Undang-undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Ali al-Sabuni. 1397H/1977M. *Rawai al-Bayan Tafsir ayat al-ahkam min Al-Qur'an*, Juzu' 1, Damsyik: Mansyurat Maktabat al-Ghazali.
- Muhammad Muhammad Ja'far. 1958. *Al-Sihr*. Kaherah: Maktabat al-Anjalu al-Misriyyah.
- Muhammad Mustafa al-Hadidi Al-Thair. 1987. *Penyuluh: Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Shaw, W. 1975. *Aspects of Malaysian Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Syed Abdullah Hussin. 1975. *Menyingkap rahsia jin, syaitan dan malaikat, terj.* Abdullah al-Qari b. Salleh. Kelantan: Penerbit PAP.
- Zulfakar Ramlee. 2007. *'Al-Qarinah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah, Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor. 2013. *Undang-undang Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob & Sarina Othman. 2000. *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mohd Sabree Nasri
 Jabatan Syariah
 Akademi Pengajian Islam
 Kolej Universiti Islam Melaka
 78200, Kuala Sungai Baru
 Melaka.
 Email: mohdsabree@kuim.edu.my